

10 JUN 2001

Mahathir-Pulang

DR MAHATHIR BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN KERJA KE JEPUN

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas pulang selepas menamatkan lawatan kerja empat hari ke Jepun.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas dari Lapangan terbang Antarabangsa Narita di sini dengan jet eksekutif pada kira-kira pukul 10 pagi (9 pagi waktu Malaysia).

Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohamed Noor berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Perdana Menteri dijadual tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang pada pukul 4 petang (waktu Malaysia).

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Siri Syarahan Kecemerlangan U Thant di Universiti United Nations di sini dan ucapnama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ketujuh di sini.

Dr Mahathir menyuarakan kebimbangan beliau mengenai impak globalisasi ke atas negara-negara miskin jika pendekatan satu pihak dilaksanakan oleh negara-negara kaya, semasa menyampaikan syarahan serta ucapnama itu.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi, di sini dan antara tajuk yang disentuh ialah jaminan yang diberikan oleh pentadbiran baru Jepun bagi meneruskan pinjaman kepada pembangunan infrastruktur Malaysia.

Dr Mahathir juga dianugerahi doktor kehormat oleh Universiti Meiji di sini kerana sumbangan beliau yang antara lain dalam mempromosikan keamanan, kestabilan dan pembangunan di Asia.

Beliau juga melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) NTT (Perbadanan Telegraf dan Telefon Nippon), di sini untuk melihat lebih dekat empat projek penyelidikan baru termasuk pembangunan kad pintar.

Semasa lawatan itu, beliau juga berjaya mendapatkan kerjasama Universiti United Nations untuk menjalankan penyelidikan mengenai bio kepelbagaian Malaysia khususnya struktur genetik dan menyediakan kod bagi sumber alam semulajadi bagi pembangunan bidang perubatan.

Dr Mahathir juga menemui dan berdialog dengan penuntut Malaysia semasa lawatan itu.

-- BERNAMA

JM LAT